

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 SEPTEMBER 2016

Haron Din tokoh Islam berjasa pada negara: Najib

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, negara kehilangan seorang tokoh Islam yang banyak berjasa berikutan kematian Mursyidul Am Pas, Datuk Dr Haron Din di Amerika Syarikat, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau rapat dengan Allahyarham dan berkongsi keinginan menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang makmur.

“Innalillahi wainnailaihirajun. Terima berita sedih Tuan Guru Haron Din telah kembali ke rahmatullah. Kita kehilangan tokoh Islam banyak jasa.

“Saya rapat dengan beliau, kami inginkan Malaysia negara Islam makmur. Moga roh Allahyarham Haron Din dikurnia husnul khotimah dan Al-Jannah. Al-Fatihah,” kata Najib menerusi catatan beliau dalam

Sinar Harian - 17/9/2016
laman *Twitter @NajibRazak*, semalam.

Haron, 76, meninggal dunia pada 10.10 pagi (waktu Malaysia) di Hospital Stanford University, San Francisco, Amerika Syarikat akibat komplikasi jantung.

Allahyarham dimasukkan ke hospital berkenaan bagi mendapatkan rawatan lanjut berhubung masalah jantung yang dihidapinya. - *Bernama*

